

# 12 duta BYEE ikuti Kem Ekologi

Oleh Mohd Feroz  
Abu Bakar

feroz@bharian.com.my  
(yang mengikuti rombongan  
BYEE di Kinabatangan, Sabah)

Seramai 12 pelajar dari beberapa universiti yang terpilih sebagai Bayer Young Environmental Envoy (BYEE) mengikuti Kem Ekologi di Kinabatangan, Sabah minggu lalu.

Kem selama empat hari yang berlangsung di beberapa hutan simpan sekitar Sukau itu bertujuan meningkatkan kesedaran mereka mengenai kepentingan menjaga alam sekitar.

Mahasiswa Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Wan Nurhidayat Wan Muhammad, 21, berkata beliau mempelajari beberapa perkara baru selepas melawat Pusat Pemuliharaan Orang Utan Sepilok.

Pelajar tahun kedua Sarjana Muda Sains Komputer (Sistem Keselamatan) itu berkata, beliau dapat belajar kaedah menjaga haiwan yang hampir pupus itu secara terus daripada pakar.

"Sebelum ini saya hanya membaca daripada akhbar dan menonton televisyen, tetapi tidak sama jika kita melihat sendiri Orang Utan  
y a n g

dijaga dengan baik di sini.

"Saya juga dapat mengenal pasti peranan yang di-mainkan oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk meningkatkan jumlah Orang Utan di negara ini," katanya.

## Pohon eksotik

BYEE juga melawat Rainforest Discovery Centre (RDC), di Sepilok untuk melihat sendiri tumbuh-tumbuhan eksotik dan pokok yang menjadi sumber ekonomi.

Pelajar Universiti Putra Malaysia, Lim Liting, 24, berkata beliau dapat mengenali beberapa pokok baru seperti tumbuhan kecil yang memakan serangga.

"Saya pernah melawat Taman Herba di Gua Musang, Kelantan tetapi RDC mempunyai lebih banyak pokok yang membuka minda saya," kata pelajar Bachelor Pengurusan Alam Sekitar itu.

Pada hari kedua, BYEE dibawa memasuki kawasan hutan berhampiran penginapan mereka di Sukau untuk melihat sendiri flora dan fauna dalam keadaan semula jadi.

Pelajar Kolej Universiti SE-GI, Teo Woen Lin, 24, berkata beliau dapat melihat spesies pacat yang berbeza di hutan berkenaan berbanding di Semenanjung dan melihat burung enggang (Anthraceros albirostris) untuk julung kali.

"Sebelum ini saya hanya melihat burung enggang di dalam televisyen atau dalam kurungan," katanya.

## Membuat bubu

Hari seterusnya, mereka belajar membuat bubu untuk menangkap udang galah seperti yang dilakukan oleh penduduk tempatan di Sungai Kinabatangan.

Pelajar tahun akhir Bachelor

**Mahasiswa UPM,**  
Wong Chiok Ling menggunakan batu untuk mengetuk bahagian bawah pokok bagi mengeluarkan bunyi ketika mempelajari kaedah ikhtiar hidup di dalam hutan.







**BYEE belajar** membuat bubu untuk menangkap udang galah.

Pengurusan Alam Sekitar, UPM, Norermma Farhana Anuar, 24, berkata beliau dapat belajar cara mampan membuat bubu dengan menggunakan plastik.

“Kini penduduk tidak perlu lagi menebang pokok atau buluh

untuk membuat bubu kerana bubu plastik tahan sehingga tujuh tahun,” katanya.

BYEE juga mengadakan program meningkatkan kesedaran bagi menjaga keseimbangan alam sekitar di Sekolah

“

**KINI PENDUDUK  
TIDAK PERLU LAGI  
MENEBAANG POKOK  
ATAU BULUH  
UNTUK MEMBUAT  
BUBU KERANA  
BUBU PLASTIK  
TAHAN SEHINGGA  
TUJUH TAHUN”**

**Norermma Farhana Anuar**  
Pelajar UPM

Kebangsaan Abai, lebih sejam perjalanan dengan bot menghirir Sungai Kinabatangan.

Murid Tahun Tiga sekolah itu, Mohd Safizan Azuan, 10, berkata dia kini faham sebab manusia perlu mencintai sungai kerana jika penduduk membuang sampah, sumber makanan ikan akan terputus.

#### **Menanam pokok**

Pada hari terakhir, BYEE menanam anak pokok di tebing

Sungai Kinabatangan, iaitu sebahagian daripada projek yang dijalankan oleh Nestle.

Syarikat berkenaan menjalankan penanaman semula hutan sejak Julai tahun lalu dalam projek yang dinamakan Nestle Rileaf.

BYEE berjaya menanam 100 pokok dari lima spesies. Mereka kemudian menuju ke Hutan Simpan Gomantong untuk melihat sendiri sarang burung layang-layang.



**Pemandu pelancong**, Bryant Hernaez, 47, memberi penerangan mengenai pemuliharaan Orang Utan di Sepilok.



**YEE melihat** sendiri tumbuh-tumbuhan eksotik di RDC.





## FAKTA

● **BYEE ditaja** oleh syarikat global, Bayer.

● **Dua BYEE** terbaik akan dibawa menyertai program di Jerman, November ini.

### **Kem Ekologi BYEE**

#### **Hari pertama:**

Melawat Pusat Pemuliharaan Orang Utan Sepilok dan Rainforest Discovery Centre

#### **Hari kedua:**

Merentas hutan

#### **Hari ketiga: Program kesedaran alam**

**sekitar** di SK Abai dan belajar membuat bubu

**Hari keempat:** Menanam pokok di tebing Sungai Kinabatangan dan meninjau Gua Gomantong